

# Dzulkifli dilantik sebagai Kursi Akademi Kepimpinan Islam Usim

**NILAI** - Tokoh akademik pengajian tinggi tersohor negara, Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak dipilih sebagai penyandang Kursi Akademik Kepimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

Pegawai Pusat Komunikasi Strategik Usim, Mohd Zaini Othman berkata, Dzulkifli dilantik berkuatkuasa 4 Ogos lalu dan telah pun menjalankan tugas rasminya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

"Beliau merupakan Presiden International Association of Universities yang berpangkalan di Paris, Perancis, Felo Akademi Sains Malaysia; ahli World Academy of Art and Sciences dan Malaysian Institute of Malaysia.

"Beliau juga merupakan kolumnis di sebuah akhbar tempatan berbahasa Inggeris sejak 1995 yang banyak menulis mengenai pelbagai isu berkaitan pendidikan, sains dan peristiwa semasa.

"Turut berpengalaman luas dalam dunia akademik serta pentadbiran pengajian tinggi dalam dan luar negara.

"Kepimpinan beliau terserlah semasa



**DZULKIFLI**

menerajui Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Naib Canselor selama 11 tahun dan berjaya meletakkan universiti sebagai universiti APEX dan satu-satunya universiti awam di negara ini berstatus demikian," katanya dalam satu kenyataan yang diserahkan kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Mohd Zaini berkata, kursi yang ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen itu membiayai dana kursi tersebut sebanyak RM500,000.

Malah, ia turut dinamakan sebagai 'Kursi Tuan Haji Mohd Yassin Muhammad' bersempena nama bapa Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengerusi Yayasan Nurul Yaqeen.

Sementara itu, Timbalan Dekan FKP, Profesor Madya Dr. Yahya Mohamed Ariffin berkata, pelantikan Dzulkifli mampu memberi impak positif kepada Usim.

Malah, katanya ia membantu menyumbang kepada pembangunan ilmu kepimpinan Islam, di samping dapat menyalurkan serta memanfaatkan pemikirannya kepada komuniti global, khususnya masyarakat Islam.